

# Syor guna tentera lebih berkesan

B.H. 26 SEP 1993

SUNGAI PETANI: Malaysia tetap mahukan Britain dan negara Kesatuan Eropah (EC) menggunakan tindakan ketenteraan ke atas puak Serbia bagi menyelesaikan sengketa di Bosnia-Herzegovina.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Malaysia masih berpendapat bahawa cadangannya mengenai cara penyelesaian di negara itu lebih berkesan.

Bagaimanapun, katanya itu adalah pendapat Malaysia dan ia tidak semestinya diterima oleh Britain dan negara EC.

"Itu pendapat kita. Dia (Britain) tidak setuju tidak apalah," katanya pada sidang akhbar selepas mendengar taklimat mengenai persiapan pasukan Rejimen Ketiga Armor Diraja untuk ke Bosnia-Herzegovina, di sini semalam.

Beliau diminta mengulas mengenai keengganan Perdana Menteri Britain, John Major, menerima cadangan Malaysia mengenai cara penyelesaian terhadap sengketa di Bosnia-Herzegovina.

Pada akhir lawatannya ke Malaysia minggu lalu, Major dilaporkan membe-

ri jaminan bahawa negaranya akan berusaha mencari satu proses penyelesaian aman kepada masalah Bosnia-Herzegovina.

Bagaimanapun, Perdana Menteri Britain itu dilaporkan berkata, Britain lebih suka kepada penyelesaian jangka panjang menerusi politik sambil menyifatkan cadangan Malaysia itu lebih bersifat penyelesaian jangka pendek.

Berikutan itu, sehingga ini, Britain masih enggan mengenakan tindakan ketenteraan atau serangan udara ke atas orang Serbia walaupun Dr Mahathir merayu Major mengkaji semula pendirian negara itu.

Major dipetik sebagai berkata, Britain juga mempunyai perasaan seperti yang ada di kalangan rakyat negara ini mengenai masalah di Balkan itu dan ingin melihat satu penyelesaian politik dicapai kepada masalah keganasan puak Serb.

Dr Mahathir berkata: "Saya berbincang dengan Major. Dia beri pendapat dia dan saya beri pendapat saya. Kita masih berpendapat bahawa apa

yang kita cadangkan akan lebih berkesan," katanya.

Mengenai ucapannya pada perhimpunan agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York, bulan depan, Perdana Menteri mengesahkan bahawa beliau akan menentuhkan mengenai masalah di Bosnia-Herzegovina.

"Sudah tentu saya akan sebut kerana kita tidak puas hati dengan cara negara Eropah umpamanya memberi bantuan kepada orang Bosnia," katanya.

Selain itu, kata Dr Mahathir, beliau akan bercajak mengenai tanggungjawab media massa, fungsi PBB, keperluan menyusun semula Majlis Keselamatan dan pelbagai perkara lain.

Menurut Perdana Menteri, beliau berpuas hati dengan semangat yang ditunjukkan anggota tentera Malaysia yang akan berkhidmat di Bosnia-Herzegovina.

Setakat ini, katanya, tidak banyak masalah dihadapi dalam persiapan anggota tentera itu termasuk dari segi peralatan dan persediaan untuk menghadapi musim sejuk di bekas Yugoslavia itu.